

HUBUNGAN ANTARA TAHAP PENDIDIKAN IBU BAPA DENGAN TAHAP PERKEMBANGAN PSIKOSOSIAL PELAJAR KAUNSELING

**Prof. Madya Dr. Azizi Hj. Yahaya, Jamaludin Ramli, Yusof Boon
Lee Meng Ling
Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Maklumat
Skudai Johor**

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan antara tahap pendidikan ibu bapa dengan tahap perkembangan psikososial pelajar kaunseling. Kajian ini dijalankan di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia. Responden terdiri daripada 92 pelajar yang mengikuti Kursus Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling). Kajian ini dijalankan dengan menggunakan soal selidik. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa pelajar-pelajar yang mengikuti Kursus Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling) di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia mempunyai tahap perkembangan psikososial yang tinggi di mana mereka mempunyai keyakinan diri bersifat autonomi, berinisiatif bersikap rajin, mempunyai kejelasan identiti diri bersifat kemesraan, berkeupayaan memberi sumbangan dan mencapai kesempurnaan ego. Di samping itu, hasil kajian juga menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pendidikan bapa dengan tahap perkembangan psikososial responden, malahan terdapat hubungan yang lemah wujud di antara tahap pendidikan ibu dengan tahap perkembangan psikososial responden.

(Keyword: perkembangan, psikososial, pelajar kaunseling, autonomi, berinisiatif bersikap rajin, mempunyai kejelasan identiti diri bersifat kemesraan)

Pendahuluan

Proses perkembangan manusia adalah proses seumur hidup. Ia bermula dari peringkat bayi, diikuti dengan peringkat awal zaman kanak-kanak, peringkat pertengahan zaman kanak-kanak, peringkat remaja, peringkat awal dewasa, peringkat pertengahan dewasa dan diakhiri dengan peringkat akhir dewasa. Perkembangan dari segi fizikal, kognitif dan psikososial berlaku pada seseorang individu di setiap peringkat dalam proses perkembangan manusia.

Menurut model biopsikososial, perkembangan manusia merupakan hasil daripada interaksi antara faktor biologi, psikologi dan sosial. Elemen biologi meliputi perkembangan bermula dari baka sehingga ke isu-isu kesihatan dewasa, elemen psikologi melibatkan semua aspek kognitif dan perkembangan personaliti manakala elemen sosial merujuk kepada pengaruh dari keluarga, sekolah dan rakan sebaya. (Docey & Travers, 1996)

Perkembangan psikososial yang seimbang di setiap peringkat perkembangan manusia membolehkan seseorang individu menuju ke arah berdikari, bertanggung jawab, meningkatkan keupayaan, menyesuaikan diri dengan persekitaran sosial, mengawal diri dengan baik, mengurangkan sifat agresifnya serta mencapai kesempurnaan diri (Erikson, 1965)

Ringkasnya, perkembangan yang menyeluruh dari segi biologi dan psikososial adalah penting untuk membentuk insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani

Latar Belakang Masalah

Perkembangan yang menyeluruh penting untuk setiap manusia terutama untuk seseorang yang ingin menjadi kaunselor. Kaunselor merupakan seorang yang membantu orang lain mengenal, memahami menerima diri serta menyesuaikan diri dengan persekitarannya. Dalam proses membantu seseorang individu, terdapat 4 pendekatan bimbingan dan kaunseling yang akan digunakan iaitu pendekatan krisis, pendekatan pemulihan, pendekatan pencegahan dan pendekatan perkembangan. Antara keempatempat pendekatan ini, pendekatan perkembangan lebih diutamakan.

Untuk menjadi seorang kaunselor yang berkesan dalam proses menolong klien, tahap perkembangan psikososial yang tinggi amat diperlukan bagi pelajar-pelajar kaunseling yang akan menjadi bakal kaunselor pada masa yang akan datang. Ini disebabkan seseorang yang telah mencapai tahap perkembangan psikososial yang lengkap akan memiliki personaliti yang baik dan sifat-sifat yang positif seperti percaya pada diri dan orang lain, berautonomi, bersikap inisiatif, berkeupayaan memperkembangkan kemahiran-kemahiran hidup, mengenal identiti din, dapat membina hubungan yang mesra dengan orang lain, menyumbang tenaga kepada orang lain dan masyarakat serta mencapai kesempurnaan ego. Sifat-sifat positif ini amat perlu bagi seseorang pelajar kaunseling yang ingin menjadi seorang kaunselor yang berkesan.

Sebaliknya, seseorang yang rendah tahap perkembangan psikososial, dia akan memiliki sifat-sifat yang negatif seperti tidak percaya pada diri dan orang lain, merasa diri memalukan, merasa keraguan, merasa diri bersalah, merasa rendah din, tidak jelas dengan identiti diri, mengasingkan diri dari orang dan merasakan diri seorang yang tidak berguna. Sifat-sifat negatif ini akan menghalang seseorang daripada menjadi seorang kaunselor yang berjaya.

Pernyataan masalah

Perkembangan psikososial yang optimum adalah penting bagi pelajar-pelajar kaunseling untuk melengkapkan diri sebagai seorang kaunselor yang berkesan. Dengan itu penyelidik ingin mengenal pasti tahap perkembangan psikososial pelajar-pelajar kaunseling di samping mengenal pasti hubungan antara tahap pendidikan ibu bapa dengan tahap perkembangan psikososial pelajar kaunseling.

Objektif Kajian

Terdapat beberapa objektif yang ingin ditumpukan oleh penyelidik, antaranya ialah untuk:

- i. Mengenal pasti tahap perkembangan psikososial pelajar-pelajar kaunseling yang terdiri daripada 8 aspek iaitu keyakinan din, autonomi, inisiatif, kerajinan, kejelasan identiti din, kemesraan, keupayaan memberi sumbangan dan pencapaian kesempurnaan ego.

- ii. Mengenal pasti hubungan antara tahap pendidikan ibu bapa dengan tahap perkembangan psikososial pelajar-pelajar kaunseling.

Hipotesis Kajian

Terdapat 9 hipotesis nol yang dibina dalam kajian i, iaitu:

- i. Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pendidikan ibu bapa dengan keyakinan diri di kalangan pelajar kaunseling.
- ii. Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pendidikan ibu bapa dengan sifat autonomi di kalangan pelajar kaunseling.
- iii. Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pendidikan ibu bapa dengan inisiatif di kalangan pelajar kaunseling.
- iv. Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pendidikan ibu bapa dengan kerajinan di kalangan pelajar kaunseling.
- v. Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pendidikan ibu bapa dengan kejelasan identiti diri di kalangan pelajar kaunseling.
- vi. Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pendidikan ibu bapa dengan sifat kemesraan di kalangan pelajar kaunseling.
- vii. Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pendidikan ibu bapa dengan keupayaan memberi sumbangan di kalangan pelajar kaunseling.
- viii. Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pendidikan ibu bapa dengan pencapaian kesempurnaan ego di kalangan pelajar kaunseling.
- ix. Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pendidikan ibu bapa dengan tahap perkembangan psikososial di kalangan pelajar kaunseling secara keseluruhannya.

Kepentingan Kajian

Kajian ini dijangkakan dapat memberikan beberapa kesan positif kepada penyelidik sendiri, pusat pengajian tinggi, masyarakat dan negara. Antara kepentingan kajian ialah:

Kepentingan terhadap individu

Maklumat dan hasil kajian ini dapat membantu individu mengenal, memahami tentang perkembangan psikososial. Di samping dapat mengenal pasti tahap perkembangan psikososial *din*. Selain itu, diharapkan bahawa individu yang mengikuti kursus kaunseling dapat sedar akan kepentingan perkembangan psikososial dalam usaha menjadi seorang kaunselor yang berkesan. Tambahan pula, hasil kajian ini juga boleh digunakan sebagai rujukan kepada penyelidik lain yang membuat kajian dalam bidang perkembangan psikososial.

Kepentingan terhadap pusat penyelidikan tinggi

Pihak pusat penyelidikan tinggi dapat menggunakan maklumat kajian ini dalam proses pemilihan pelajar-pelajar yang mengikuti kursus kaunseling berdasarkan tahap perkembangan psikososial pelajar. Selain itu, pentadbir pusat penyelidikan tinggi juga dapat menggunakan maklumat kajian ini untuk mengemaskinikan program bimbingan dan kaunseling bagi meningkatkan perkembangan psikososial pelajar supaya dapat melahirkan kaunselor yang mencapai tahap perkembangan psikososial secara optimum

Kepentingan kepada masyarakat dan negara

Dengan mengenal pasti tahap perkembangan psikososial pelajar-pelajar kaunseling, banulah dapat melahirkan kaunselor yang mempunyai tahap perkembangan psikososial yang tinggi. Dengan itu, barulah kaunselor dapat berfungsi secara berkesan dalam proses membimbing dan memberi kaunseling kepada pelajar, memperkembangkan potensi pelajar-pelajar secara optimum dan melahirkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial yang dapat berkhidmat dan menyumbang kepada masyarakat dan negara.

Batasan Kajian

Lokasi kajian

Kajian ini hanya dijalankan di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai kerana untuk mengikut kemudahan dan kesesuaian penyelidik agar pemprosesan data responden dapat dijalankan dengan lebih lancar.

Pemilihan sampel

Populasi kajian ini merupakan pelajar-pelajaran kaunseling. Pemilihan sample dibuat secara tidak rawak iaitu hanya memilih pelajar-pelajar yang mengikuti kursus Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling) di UTM seramai 92 orang sebagai nesponden. Oleh itu adalah tidak mewakili pelajaran-pelajaran kaunseling yang lain.

METODOLOGI

Rekabentuk kajian

Kajian ini dijalankan berdasarkan kaedah tinjauan dengan menggunakan soal selidik. Tinjauan yang dijalankan adalah bertujuan untuk melihat tahap perkembangan psikososial pelajar-pelajar kaunseling. Hubungan antara tahap pendidikan ibu bapa dengan aspek-aspek psikososial seperti keyakinan diri sifat autonomi, inisiatif, kerajinan, kejelasan identiti diri *sifat* kemesraan, keupayaan memberi sumbangan, kesempurnaan ego turut dikaji.

Tempat dan Sampel Kajian

Skudai yang terletak di Negeri Johor. Populasi dan sampel kajian terdiri daripada 92 orang pelajar yang mengikuti kursus Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling), 29 orang pelajar dari tahun 4 dan 63 orang pelajar dari tahun 3.

Instrumen Kajian

Alat ukur yang digunakan dalam kajian ini ialah borang soal selidik yang telah diuji kesahan dan kebolehpercayaan.

Kajian Rintis

Suatu kajian rintis telah dijalankan ke atas 20 orang pelajar yang dipilih secara rawak dari Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia. Pembetulan dari segi bahasa telah dilakukan. Analisis Kebolehpercayaan terhadap 40 item yang mengukur

25

tahap perkembangan psikososial telah dijalankan dengan menggunakan perisian "Statistical Packages For The Social Sciences" (SPSS). Didapati bahawa nilai *alpha* bagi analisis tahap perkembangan psikososial secara keseluruhannya adalah 0.875 yang menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang tinggi terhadap instrumen ini dan boleh digunakan dalam kajian.

Analisa Data

Hasil maklumat daripada alat ukur dianalisis dengan menggunakan perisian "Statistical Packages For The social Sciences" (SPSS). Penganalisan data kajian ini dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu bahagian A — latar belakang responden, bahagian B — penganalisan data terhadap tahap perkembangan psikososial dan bahagian C — penganalisan data terhadap hubungan antara tahap pendidikan ibu bapa dengan tahap perkembangan psikososial.

Penyelidik menganalisis data Bahagian A — Latar Belakang Responden secara deskriptif di mana kekerapan dan peratusan data diterangkan dalam bentuk jadual. Data yang dalam Bahagian B dianalisis secara deskriptif, min dan sisihan piawai setiap item diterangkan. Bagi bahagian C, analisis Korelasi Pearson digunakan untuk melihat hubungan di antara dua pemboleh ubah kajian iaitu tahap pendidikan ibu bapa dan tahap perkembangan psikososial.

Hasil Dapatkan

Hasil daripada kajian penyelidikan yang telah dijalankan, beberapa perbincangan telah dibuat berdasarkan tahap perkembangan psikososial dan hubungan antara tahap pendidikan ibu bapa dan tahap perkembangan psikososial.

1 Tahap Perkembangan Psikososial Responden

Hasil Keputusan menunjukkan bahawa majoriti responden (95.1%) mempunyai keyakinan diri . Keyakinan diri dalam konteks kajian merujuk kepada yakin pada kebolehan din, yakin pada orang lain, bersifat optimistik terhadap masa depan, berasa diri diterima, disayangi dan selamat. Menurut Comb, 1986 (dalam Corey, 1993) kaunselor yang baik adalah yakin pada diri sendiri dan yakin pada orang lain.

Didapati juga 96.4% responden adalah bersifat autonomi. Autonomi merujuk kepada menunjukkan keberanian apabila berhadapan dengan cabaran, boleh mengawal diri dengan baik, sering memikirkan sendiri cara-cara untuk mengatasi masalah yang dihadapi, bersifat asertif dan berdikari. Salah satu matlamat kaunseling adalah untuk membantu klien mencapai realisasi diri (self-actualizing), berfungsi dan memperkembangkan potensi diri secara menyeluruh.

2 Hubungan Antara Tahap Pendidikan Ibu bapa dengan Tahap Perkembangan Psikososial.

Tahap Perkembangan psikososial meliputi 8 elemen iaitu keyakinan din, sifat

autonomi, inisiatif, kerajinan, kejelasan identiti diri, sifat kemesraan, keupayaan memberi sumbangan dan kesempurnaan ego. Perkembangan psikososial dipengaruhi oleh banyak faktor, antaranya adalah pengampunan, kebosanan, hubungan kekeluargaan, persekitaran akademik, sikap terhadap imej badan dan faktor lain.

Hasil daripada kajian penyelidikan yang telah dijalankan, rumusan telah dibuat berdasarkan 9 hipotesis:

- i. Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pendidikan ibu/bapa dengan keyakinan diri.
- ii. Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pendidikan bapa dengan autonomi tetapi terdapat hubungan yang lemah antara tahap pendidikan ibu dengan autonomi.
- iii. Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pendidikan ibu bapa dengan inisiatif.
- iv. Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pendidikan ibu/bapa dengan sifat kerajinan.
- v. Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pendidikan ibu/bapa dengan kejelasan identiti diri.
- vi. Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pendidikan bapa dengan sifat kemesraan tetapi terdapat hubungan yang lemah antara tahap pendidikan ibu bapa dengan sifat kemesraan
- vii. Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pendidikan ibu/bapa dengan keupayaan memberi sumbangan.
- viii. Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pendidikan ibu bapa dengan kesempurnaan ego.
- ix. Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pendidikan bapa dengan perkembangan psikososial tetapi terdapat hubungan yang lemah antara tahap pendidikan ibu dengan tahap perkembangan psikososial.

Kesimpulannya, dalam konteks kajian tahap pendidikan bapa langsung tidak mempengaruhi tahap perkembangan psikososial manakala terdapat hubungan yang lemah wujud di antara tahap pendidikan ibu dengan autonomi, kemesraan dan tahap perkembangan psikososial secara keseluruhannya.

Rumusan

Hasil Kajian diperoleh oleh penyelidik dari responden dirumuskan adalah seperti berikut:

- i. Pelajar-pelajar kaunseling mempunyai keyakinan diri.
- ii. Pelajar-pelajar kaunseling bersifat autonomi.
- iii. Pelajar-pelajar kaunseling berinisiatif
- iv. Pelajar-pelajar kaunseling bersifat rajin.
- v. Pelajar-pelajar kaunseling mempunyai kejelasan identiti diri.
- vi. Pelajar-pelajar kaunseling bersifat kemesraan.
- vii. Pelajar-pelajar kaunseling berkeupayaan memberi sumbangan.
- viii. Pelajar-pelajar kaunseling mencapai kesempurnaan ego.
- ix. Pelajar-pelajar kaunseling mempunyai tahap perkembangan psikososial yang tinggi.

- x. Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pendidikan bapa dengan tahap perkembangan psikososial di kalangan pelajar kaunseling.
- xi. Terdapat hubungan yang lemah antara tahap pendidikan ibu dengan tahap perkembangan psikososial di kalangan pelajar kaunseling.

Implikasi

Implikasi kajian terhadap individu

Hasil kajian menunjukkan bahawa 100% pelajar kaunseling mempunyai tahap perkembangan psikososial yang tinggi. Secara implikasinya, seseorang yang mempunyai tahap perkembangan psikososial yang tinggi adalah berpotensi tinggi untuk menjadi seorang kaunselor yang dapat berfungsi secara berkesan dalam proses membimbing dan memberi kaunseling kepada pelajar, memperkembangkan potensi pelajar secara optimum dan melahirkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial yang dapat berkhidmat dan menyumbang kepada masyarakat dan negara.

Implikasi kajian terhadap ibu

Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang lemah wujud di antara tahap pendidikan ibu dengan tahap perkembangan psikososial di kalangan pelajar kaunseling. Secara implikasinya, seseorang ibu seharusnya mempertingkatkan tahap pendidikan demi kebaikan diri sendiri dan dapat membantu anak memperkembangkan aspek psikososial.

Implikasi kajian terhadap bapa

Hasil kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pendidikan bapa dengan tahap perkembangan psikososial di kalangan pelajar kaunseling. Walau bagaimanapun, seseorang bapa seharusnya sedar akan pengaruh mereka terhadap perkembangan psikososial anak, di samping itu bapa juga harus mengambil inisiatif untuk membantu anak mereka untuk meningkatkan tahap perkembangan psikososial.

Implikasi kajian terhadap Fakulti Pendidikan

Tahap perkembangan psikososial yang tinggi amat penting bagi seseorang kaunselor atau guru kerana mereka berperanan untuk mendidik generasi yang akan datang. Pihak Fakulti Pendidikan harus sedar akan kepentingan perkembangan psikososial bagi seseorang bakal guru atau bakal kaunselor. Dalam proses memilih pelajar untuk mengikuti kursus pendidikan, tahap perkembangan psikososial pemohon kursus harus diuji.

Implikasi kajian terhadap masyarakat dan negara

Semua lapisan masyarakat perlu sedar akan kepentingan perkembangan psikososial bagi seseorang individu. Ahli-ahli politik, pendidik dan pihak-pihak yang berkenaan harus memikirkan cara untuk memperkembangkan psikososial rakyat Malaysia demi melahirkan rakyat Malaysia yang berkeyakinan diri, berinisiatif, berautonomi, rajin, jelas identiti diri, berkeupayaan memberi sumbangan dan mencapai kesempurnaan ego.

Cadangan Kajian Yang Akan Datang

Terdapat beberapa cadangan yang diberikan oleh penyelidik untuk kajian yang akan datang. Antaranya adalah seperti berikut -

i. Pemilihan sampel:

Tahap perkembangan psikososial yang tinggi bukan saja penting untuk bakal kaunselor tetapi juga penting untuk bakal guru kerana guru merupakan pendidik dan merupakan teladan kepada anak murid, maka dicadangkan bahawa suatu kajian yang menguji tahap perkembangan psikososial bakal guru dijalankan.

Memperluaskan kawasan kajian:

Kajian penyelidik hanya fokus di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, dicadangkan bahawa kajian yang akan datang boleh dijalankan di Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya dan Universiti Putra Malaysia yang akan melahirkan bakal kaunselor. Dengan membesarkan saiz sampel, ini dapat memperoleh hasil yang lebih tepat dan dapat membuat generalisasi yang lebih luas.

Meluaskan skop kajian tentang aspek psikososial:

Aspek psikososial yang digunakan oleh penyelidik adalah berdasarkan teori Psikososial Erikson (1963). Dicadangkan bahawa kajian yang akan datang boleh menggunakan aspek psikososial yang dikemukakan oleh Chickering (1969), Hill (1973), pakar-pakar psikologi yang mengemukakan idea baru tentang psikososial atau penyelidik tempatan yang mengkaji bidang psikososial.

Instrumen yang dibina oleh penyelidik untuk mengukur tahap perkembangan psikososial adalah bersesuaian dengan budaya kaunselor. Untuk sampel yang berlainan, item-item instrumen perlu diubahsuai. Di samping itu, penyelidik perlu mendapat nasihat daripada golongan dalam bidang kajian seperti pakar psikologi dan pakar bahasa. Tambahan pula, instrumen lain seperti pemerhatian dan temu bual boleh ditambahkan untuk mengukur tahap perkembangan psikososial.

v. Faktor mempengaruhi tahap perkembangan psikososial:

Dicadangkan kajian yang akan datang boleh mengkaji faktor-faktor lain yang mempengaruhi tahap perkembangan psikososial misalnya gaya keibubapaan, pencapaian akademik, hubungan kekeluargaan dan mengkaji sebab tahap pendidikan bapa tidak mempengaruhi tahap perkembangan psikososial.

BIBLIOGRAFI

Adams, Gerald R. (1996). "Psychosocial Development During Adolescence." Sage Publications : London.

- Adams, Gerald R; Ryan, Bruce A. (2000). "Family Relationship, Academic Environments, and Psychosocial Development During the University." *Journal of Adolescent Research*. 15. 99-123
- Brammer, Lawrence M. (1996). "Helping Relationship, Process and Skills (6th- Edition)." Allyn and Bacon: London.
- Chickering (1969). "Education and Identity." Calif: San Francisco.
- Corey, Corey (1993). "Becoming a helper (2nd Edition)." Pasific Grove, Calif: Brooks
- D'Augelli, Anthony R (1981). "Helping Others." Brooks/Cole Publishing Company: California.
- Dicaprio, Nicholas S. (1983). "Personality Theories . *A Guide to Human Nature (2nd Edition)*." "Holt,Rinehart and Winston: Tokyo.
- Dacey ,Travers. (1996). "Human Development: Across The Lifespan." Masison,WI: Brown & Benchmark.
- Erikson, Erik H. (1965). "Childhood and Society." Penguin Books Ltd: England.